

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HGM 131 – Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. **DUA (2)** soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. Merujuk kepada fenomena aktiviti pertanian di kawasan skim pengairan Malaysia, bincangkan sumbangan geografi manusia dalam memahami fenomena tersebut.

(25 markah)

2. Merujuk kepada pertindanan di antara sempadan pentadbiran, ekonomi dan sosial di sesebuah kawasan **atau** bandar sempadan, bincangkan implikasi terhadap perilaku penduduk dan pembangunan di kawasan **atau** bandar tersebut.

(25 markah)

3. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan aspek perubahan gunatanah dalam kawasan bandar sebagai akibat dari perubahan ekonomi dan demografi.

(25 markah)

4. Huraikan proses pembauran maklumat kesihatan di kalangan masyarakat luar bandar bagi tempoh sebelum dan selepas teknologi komunikasi dan maklumat diperkenalkan

(25 markah)

BAHAGIAN B

5. a. Huraikan bagaimana perbezaan geografi dalam bahasa memberi kesan kepada perilaku ruangan manusia.

(12.5 markah)

- b. Huraikan bagaimana agama mempengaruhi persepsi dan motivasi seterusnya mempengaruhi perilaku ruangan manusia.

(12.5 markah)

6. a. Apakah faktor-faktor sosio-budaya yang membezakan peranan serta memisahkan penguasaan tempat di antara lelaki dan wanita?

(10 markah)

- b. Pada pendapat anda adakah wujud sebarang pertindanan di dalam peranan dan penguasaan tempat di antara kedua jantina ini? Jika ada, kenapa ianya berlaku?

(15 markah)

7. Bincangkan proses-proses membuat keputusan yang menghasilkan perubahan geografi di dalam lokasi aktiviti ekonomi di peringkat tempatan dan global.

(25 markah)

8. a. Huraikan perkara-perkara yang dipertimbangkan semasa memilih lokasi untuk membina satu kemudahan awam untuk pendidikan **atau** kesihatan.

(12.5 markah)

- b. Bagaimana lokasi kemudahan awam tadi akan mempengaruhi organisasi ruangan serta ciri-ciri tempat tersebut.

(12.5 markah)